

50 mahasiswa UMS terpilih terima sumbangan daripada Pusat Zakat Sabah, MUIS

NST 16.5.2019 8

KOTA KINABALU: Seramai 50 mahasiswa terpilih Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima sumbangan daripada Pusat Zakat Sabah, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS).

Sumbangan dalam bentuk wang tunai itu disampaikan oleh Yang Dipertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin dan isteri, Toh Puan Norlidah R.M Jasni pada Majlis Iftar @UMS di masjid institusi berkenaan, pada Selasa.

Turut disampaikan Tun Juhar, sumbangan berjumlah RM20 ribu daripada badan itu kepada Naib Cancellor UMS, Prof Datuk Dr D Kamaruddin D Mudin.

Pada majlis itu, Tun Juhar dan Toh Puan Norlidah meyeritai kira-kira 400 jemaah menunaikan solat farḍhu Maghrib dan Isyak, sebelum mengerjakan solat sunat Terawih.

Hadir sama Ketua menteri Sabah, Datuk Seri Shafie Afzal, ADUN Karambunai Azhar Matusin dan Pengerusi MUIS, Datuk Seri Panglima Dr Hasbullah Taha.



ZAKAT...Salah seorang mahasiswa menerima sumbangan zakat disampaikan oleh Toh Puan Norlidah (dua dari kiri).



TERIMA... D Kamaruddin (kiri) menerima replika cek sumbangan MUIS yang disampaikan oleh Tun Juhar (tiga dari kiri) dan Shafie